



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

13 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 19 Syaaban 1441 bersamaan 13 April 2020, Alhamdulillah, dengan izin dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19** di negara ini kekal seramai 136 orang.
2. Sementara itu, sebanyak **1 kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 107 orang**.
3. Sebagaimana yang diumumkan semalam, Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan dasar mengadakan pemeriksaan susulan bagi mereka yang telah disahkan sembuh di mana mereka juga dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri selama 14 hari di rumah masing-masing selepas dibenarkan pulang dari Pusat Pengasingan Kebangsaan. Mengikut pemantauan yang dijalankan, seramai 7 orang lagi bekas pesakit telah didapati positif semula

bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan seramai 8 orang setakat ini. Kesemua mereka ini telah dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk penyiasatan lanjut. Selain itu, kontek keluarga terdekat mereka juga dikehendaki untuk menjalani ujian makmal dan dikurantin semula selama 14 hari. Tindakan ini diambil sebagai langkah berjaga-jaga sementara penyiasatan lanjut dilakukan dan lebih banyak maklumat mengenai jangkitan ini diperolehi.

4. Sebagaimana yang kita sudah sedia maklum, virus SARS-CoV-2 adalah sejenis virus baru yang hanya mula dikenalpasti pada awal Januari tahun ini di mana masih banyak perkara yang belum diketahui mengenai jangkitan tersebut. Kementerian Kesihatan sedang berkerjasama dengan beberapa negara di rantau ini untuk memahami profil dan ciri-ciri jangkitan tersebut dengan lebih mendalam, termasuk kaedah jangkitan, berapa lama virus boleh bertahan di dalam tubuh badan manusia dan samada seorang yang telah sembuh boleh dijangkiti semula atau boleh menjangkiti orang lain sekiranya virus tersebut masih dapat dikesan. Senario di mana pesakit yang telah sembuh didapati positif semula juga telah dilaporkan berlaku di beberapa negara seperti Republik Rakyat China, Republik Korea, Thailand dan Malaysia.
5. Kelapan-lapan pesakit yang dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan ini **tidak termasuk** di dalam jumlah kes yang masih aktif di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana pada ketika ini, terdapat **28** kes aktif yang

masih dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 2 orang masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

6. Pada hari ini juga, seramai **112 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,369 orang**. Sementara itu juga, setakat hari ini, seramai **1,451 orang** telah menamatkan tempoh pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah disediakan oleh kerajaan setelah pulang ke negara ini selepas melakukan perjalanan antarabangsa.
7. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 283 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,167 ujian.
8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 19 Syaaban 1441H / 13 April 2020